

27 AUG 2003

MAHATHIR-NAZA MOTORS/I

PERDANA MENTERI LANCAR MPV PERTAMA MALAYSIA

SERI KEMBANGAN, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini telah melancarkan kenderaan pelbagai guna nasional (MPV) pertama Malaysia, Naza Ria, yang berasaskan kepada Kia Carnival.

MPV Naza Ria itu dihasilkan oleh Naza Motors menerusi kerjasama teknikal dengan Kia Motors Corporation (KMC) Korea.

"Saya yakin Naza Motors boleh jadi pengeluar kereta nasional yang ketiga terbesar di Malaysia," kata Perdana Menteri.

Naza Ria MPV V6 2.5 liter itu berharga RM98,888 di jalan.

Sambil memuji Naza Motors kerana mampu menghasilkan MPV, Dr Mahathir berkata syarikat itu telah berkembang maju daripada hanya sebagai pengimport kereta-kereta terpakai Jepun dalam tahun 70an.

Beliau berkata Naza Motors merupakan contoh antara segelintir syarikat bumiputera yang telah diberikan permit (AP) untuk mengimport kereta.

"Sejarah Naza agak menggagumkan dan dalam jangka masa yang pendek telah berkembang maju dengan banyak cawangan di seluruh negara dan menjual kereta-kereta mewah," kata Dr Mahathir.

"Saya harap Naza Motors akan dapat pasaran yang baik untuk model MPVnya di dalam dan luar negara," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir yang turut merasmikan ibu pejabat Kumpulan Naza Motors iaitu Menara Naza berkata pembangunan bangunan itu adalah seiring dengan aspirasi kerajaan untuk memajukan Kampung Baru.

Bangunan setinggi 14 tingkat itu, bernilai RM50 juta dan terletak di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

"Bukan mudah untuk membangunkan Kampung Baru kerana sukar untuk mendapatkan sokongan penduduknya", kata beliau.

Sementara itu, pengarah urusan Kumpulan Naza, Tan Sri SM. Nasimuddin SM Amin berkata Naza Motors telah menerima 4,000 tempahan untuk Naza Ria sehingga petang ini.

MPV itu, pada masa ini dipasang oleh Automotive Manufacturing Malaysia Sdn Bhd di Pekan sehinggalah kilang milik Naza di Gurun siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2004.

Kilang di Gurun yang berharga RM300 juta itu akan mempunyai kapasiti 50,000 unit setahun dan mempunyai 1,000 kakitangan.

"Bila beroperasi sepenuhnya, dua lagi model akan dikeluarkan atas jenama Naza dan kereta ini akan dieksport ke negara-negara Asean. Kedua-dua model ini akan dikeluarkan pada tahun 2004," kata beliau.

Kilang itu akan mengeluarkan MPV dan kenderaan utiliti sport (SUV) di bawah jenama Naza dan akan turut memasang kenderaan-kenderaan penumpang dan komersil di bawah jenama Kia.

Naza Motors merupakan pemegang francais untuk kenderaan Kia di Malaysia. -- BERNAMA

MAD MAS TJK AA